

## **UMS luluskan penubuhan majlis keusahawanan perkasa daya saing graduan**

Tarikh kemaskini: 13/02/2019

KOTA KINABALU, 13 Feb (Bernama) -- Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah meluluskan penubuhan Majlis Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan dalam usaha memperkasa daya saing siswazah universiti itu.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof Dr Ismail Ali berkata majlis itu akan menjadi penasihat kepada pusat kerjaya dan alumni UMS meliputi hal-hal yang meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Beliau berkata majlis itu juga akan dianggotai oleh beberapa tokoh industri tempatan yang memfokuskan kepada enam kluster utama iaitu pertanian, keusahawanan, minyak dan gas, perikanan, hospitaliti dan pelancongan.

"UMS sentiasa berusaha ke arah pembangunan pelajar secara holistik yang menjadi antara fokus utama dalam Bidang Keberhasilan Utama (KRA) Pelan Strategik UMS bagi tempoh 2018–2022," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Ismail berkata sebuah mini-mart juga akan dibuka di bangunan Hal Ehwal Pelajar yang dikendalikan oleh alumni UMS dalam tempoh terdekat ini.

Beliau berkata mini-mart itu akan membuka peluang kepada pelajar untuk menjadi sebahagian daripada tenaga pekerja sambil selain menjalani latihan industri sesuai dalam bidang masing-masing.

"Siswazah tidak dihalang untuk membuat kerja sambil dalam kampus asalkan pengajian tidak terabai, ini termasuklah bekerja sebagai pembantu di premis perniagaan dalam UMS," katanya.